

T

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR  
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH

Adalah disyorkan bahawa tesis ini yang disediakan oleh


ROS LI BIN MOHD YUSOF

bertajuk PEMBANGUNAN TANAH ADAT DI NEGRI

SEMBILAN

dibawah penyeliaan saya/kami diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk Diploma Lanjutan Perancang Bandar dan Wilayah.

Diluluskan oleh:



12.5.1984

( WAN SALLEH WAN IBRAHIM )  
PENYELIA UTAMA

( \_\_\_\_\_ )

PENYELIA MADYA



TP00002383

PEMBANGUNAN TANAH ADAT  
NEGRE SEMBILAN

KES KAJIAN : MUKIM PILAH

Oleh

ROSLI BIN MOHD YUSOF

Satu Tesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan  
DIPLOMA LANJUTAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH.

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah  
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi MARA,  
Shah Alam.

Julai, 1984.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan adalah ditujukan kepada En. Wan Salleh bin Hj. Wan Ibrahim merangkap Ketua Kursus Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah ITM, yang telah memberi tunjuk ajar dan penyeliaan terhadap penyediaan tesis ini.

Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jabatan-Jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun diperingkat daerah Kuala Pilah, peringkat Negri Sembilan, khususnya Pejabat Tanah Kuala Pilah terutamanya Pegawai Daerah Kuala Pilah, En. Ghazali Ibrahim, Pegawai Penempatan Tingkatan Khas, En. Abu Hassan Hj. Puteh, Penyimpan Rekod, En. Mohd. Yusof Mohd Sani dan lain-lain kerana dapat memberi kerjasama dalam mendapatkan maklumat-maklumat dan data-data, yang diperlukan. Tanpa bantuan dan kerjasama mereka-mereka ini mungkin kajian ini agak sukar disediakan.

Seterusnya, setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada pegawai-pegawai kerajaan dan ketua-ketua adat diperingkat negeri khususnya kepada Timbalan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian En. Hassan Wahid, Pengarah Projek Negri Sembilan Timur En. Ruslan Khalid, Setiausaha Dewan Keadilan En. Ismail Hj. Kasim, DSN, PPT, AMN, PJK, PKL, PPM dan lain-lain kakitangan yang telah sudi berbincang dan memberi bahan-bahan yang diperlukan.

ISI KANDUNGANMUKA SURAT

Penghargaan	
Isi Kandungan	1
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	viii
Senarai Foto	ix
Senarai Pelan	xi

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Haipotesis	6
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Metodologi Kajian	7
	1.6.1 Latarbelakang Bidang Kajian	8
	1.6.2 Soalselidik Penduduk	9
	1.6.3 Perbincangan dengan Pegawai	9
	1.6.4 Penganalisaan	10

BAB 2 KONSEP TRADISI ADAT PERPATIH

2.1	Pengenalan	12
2.2	Masyarakat Adat Perpatih	15
2.3	Sistem Kekeluargaan	17
	2.3.1 Keluarga Sedarah Nisab Ibu	18
	2.3.2 Keluarga Kedim	18

## BAB 1 PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Pembangunan merupakan satu proses perubahan yang kompleks, melibatkan sumber-sumber alam dan faktor kemanusiaan. Pembangunan tidak seharusnya diukur dari faktor pertumbuhan ekonomi sahaja. Malah ianya adalah proses modenisasi yang meliputi segala aspek perubahan dan kemajuan dari segi ekonomi, politik, sosial, budaya, psikologi, pentadbiran, teknologi dan sebagainya.

Pembangunan yang dinamik melibatkan tiga faktor perubahan yang penting iaitu boleh memberi kepuasan kepada penduduk melebihi dari apa yang diterima sekarang. Kedua, tiap perubahan menghendaki penyerapan dan penerimaan yang kekal terhadap mereka yang terlibat. Ketiganya ialah tingkat perubahan yang dihasilkan seharusnya lebih berfaedah dan lebih menguntungkan.

Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun, menekankan betapa perlunya, satu sistem perancangan yang lebih komprehensif, pelaksanaan yang efektif, koordinasi yang baik dan partisipasi penduduk-penduduknya dalam sesuatu pembangunan.

Dalam konteks pembangunan di luar bandar, penggunaan tanah pertanian yang produktif dan masyarakat yang progresif haruslah menjadi objektif sosial dan ekonomi yang utama. Ianya selaras